

# BULETIN JKSM

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA  
(JABATAN PERDANA MENTERI)

ISSN-1511-7839

Bil. 4 (Julai–Disember 2002)



## MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PROJEK ESYARIAH ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DENGAN SARAWAK INFORMATION SYSTEM SDN. BHD. (SAINS)

**M**ajlis Menandatangani Perjanjian Projek ESyariah di antara Kerajaan Malaysia dengan Sarawak Information System Sdn. Bhd. (SAINS) telah diadakan pada tarikh 27 Disember, 2002 bertempat di IOI Resort Putrajaya. Majlis perjanjian ini telah disaksikan oleh Yang Berhormat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Brig. Jen.(B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin. Yang Berbahagia Tan Sri Samsuddin bin Osman, Ketua Setiausaha Negara mewakili bagi pihak Kerajaan Malaysia manakala pihak SAINS diwakili oleh Pengurus Besar, Encik Teo Tien Hiong. Di antara intipati ucapan YB Menteri Di JPM dalam majlis berkenaan menyentuh mengenai perkembangan arus perdana era teknologi maklumat negara telah berjaya memartabatkan syiar Islam dan ini diakui oleh negara-negara Islam yang lain.

## Sidang Redaksi

### Penaung / Penasihat

Y.A.A. Dato' Sheikh Ghazali  
Hj. Ab. Rahman  
*Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie  
JKSM*

### Ketua Pengarang

Mahammad Ibrahim  
*Ketua Pendaftar*

### Sidang Pengarang

Mohamad Tawadz'o Abbas  
Mohd Haris Kasim  
Azmee Hj. Hussin

### Produksi dan Edaran

Puan Rathanah Abdul Hamid  
Sul Bhari Saad  
Munah Dali  
Hernie Yusrina Muda @ Hamid

### Jurugambar

Anauar Hj Idris  
Mahadi Awaluddin

### Susunatur dan Grafik

Azmee Hj. Hussin

*Buletin ini diterbitkan oleh  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
Aras 2 & 3, Blok D7, Parcel D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62677 PUTRAJAYA  
Tel: 03-8886 4800 Fax: 03-8889 1627  
Laman Web: [www.jksm.gov.my](http://www.jksm.gov.my)*

*Dicetak oleh  
Percetakan Nasional Malaysia Berhad  
Cawangan Kuala Lumpur*

## Dari Meja Ketua Pengarang

**H**ubungan seorang Muslim dengan Tuhannya adalah berdasarkan kecintaan, harapan dan takut. Seorang Muslim memberikan cintanya kepada Tuhan sebagaimana Tuhan mencintainya, kerana Dia-lah yang memberi kehidupan, yang melimpahkan nikmat, yang menganugerahkan kurniaan, kekuatan yang menjadikan makhluk yang sempurna dan yang menentukan nasib serta yang memberi petunjuk.

Jika pada tabiat manusia senang menerima kebaikan dari sesamanya, kenapa ia tidak mencintai Allah yang nikmat-Nya tidak terhitung diberikan kepadanya? Sebagaimana firman-Nya yang bermaksud "Dan nikmat yang ada pada kamu itu, datangnya dari Allah. Dan kalau kamu ditimpa bahaya kepada-Nya kamu meminta pertolongan." Surah An-Nahl: 35. Sesungguhnya antara seorang Muslim dengan Tuhan-Nya ada hubungan cinta yang tidak pernah putus.


Dengan hubungan cinta ini, akan tumbuh dalam peribadi seorang Muslim jiwa yang mulia, yang mengangkat darjat kesempurnaan, keteguhan dan keyakinan yang mendorongnya untuk sentiasa taat dan memperbaiki ibadahnya. Pada saat itulah ia merasakan manisnya iman sebagaimana Sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud: "Ada tiga perkara, barangsiapa tiga perkara itu ada padanya, maka ia mendapatkan manisnya iman : Allah dan Rasul-Nya lebih dicintai dari yang lainnya, ia tak mencintai seseorang kecuali kerana Allah dan ia takut kembali kepada kekufuran sebagaimana ia takut dilemparkan ke neraka". (Riwayat Bukhari)

Justeru itu, memandangkan pekerjaan itu juga merupakan ibadah, sudah semestinya kita perlu sentiasa berusaha memperbaiki ibadah ini sebagai langkah mencintai Allah dan Rasul-Nya. Lebih-lebih lagi ibadah yang menjunjung hukum hakam dan syariat-Nya di Mahkamah Syariah.



# AKTIVITI JKSM JULAI

## KURSUS PENGURUSAN INTEGRITI DAN KESELAMATAN PEJABAT BIL. 3



Kursus ini telah diadakan pada 22 hingga 25 Julai, 2002 di Sungai Petani Inn Kedah Resort. Seramai 30 orang peserta dari kalangan pegawai dan kakitangan Mahkamah Syariah Negeri Zon Utara iaitu Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis. Fasilitator terdiri daripada Pejabat Pegawai Keselamatan Kerajaan, JPM, dan BPR Cawangan Negeri Kedah. Majlis Penyampaian Sijil telah disempurnakan oleh Y.A.A. Tuan Haji Yusof Che Teh, Ketua Hakim Syarie Pulau Pinang bagi pihak Y.A.A. Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM.

## MUZAKARAH PEMAHAMAN UNDANG-UNDANG KETERANGAN & PROSEDUR SIRI 3

Muzakarah ini telah diadakan pada 7 hingga 11 Julai, 2002 di City Bayview, Langkawi dihadiri seramai 40 orang Pegawai Syariah dari kalangan Hakim, Pendaftar, Peguam Syarie BBG dan Pendakwa Syarie Negeri-negeri dalam kategori Gred L3. Fasilitator muzakarah adalah Y.Bhg. Tuan Haji Salleh Buang, tokoh penulis perundangan negara.

## MESYUARAT KETUA PENDAFTAR/PENDAFTAR SELURUH MALAYSIA BIL. 3 TAHUN 2002

Mesyuarat telah diadakan pada 25 Julai, 2002 dipengerusikan oleh Y.A.A. Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM bertempat di Bilik Mesyuarat Utama JKSM, Putrajaya. Kesemua Ketua Pendaftar dan Pendaftar Negeri-negeri telah hadir. Di antara kertas kerja yang dibentangkan adalah mengenai cadangan manual kerja sulh dan pengurusan pendaftaran kes Mal di Mahkamah Syariah.

# AKTIVITI JKSM OGOS

## MESYUARAT KETUA-KETUA HAKIM SYARIE SELURUH MALAYSIA KALI KE 23

Mesyuarat Ketua-ketua Hakim Syarie Kali ke 23 ini telah diadakan di JKSM pada 8 Ogos, 2002, dipengerusikan oleh Y.A.A. Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM. Di antara kertas cadangan yang dibentangkan adalah cadangan deraf Manual Kerja Sulh, Kod Etika Pegawai Sulh dan pamphlet Mahkamah Syariah seluruh Malaysia.

## KURSUS SENI GUAMAN



Kursus ini telah diadakan dengan kerjasama ILKAP pada 12 hingga 14 Ogos, 2002 bertempat di Federal Hotel Kuala Lumpur. Para peserta terdiri daripada kalangan Pegawai Syariah dari kategori Hakim, Peguam Syarie BBG dan Pendakwa Syarie Negeri-negeri. Di antara fasilitator yang dijemput adalah para Timbalan Pendakwaraya, Jabatan Peguam Negara. Majlis Penyampaian Sijil telah disempurnakan oleh Y.A.A. Dato' Sheikh Ghazali Ab. Rahman, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM.

## KURSUS PENDAFTAR/PENOLONG PENDAFTAR MAHKAMAH SYARIAH

Kursus ini telah diadakan dengan kerjasama Institut Latihan Islam Malaysia, (ILIM), JAKIM pada 20 - 22 Ogos, 2002 bertempat ILIM, Bangi, Selangor. Seramai 23 orang peserta telah hadir terdiri dari kalangan Pendaftar dan Penolong Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri-negeri.

## LAWATAN CAWANGAN PUSAT SUMBER JKSM KE MAHKAMAH SYARIAH NEGERI-NEGERI GUNASAMA

Cawangan Pusat Sumber JKSM telah mengadakan lawatan kerja ke Mahkamah Syariah Negeri-negeri Gunasama pada 12 - 16 Ogos, 2002 iaitu di Negeri Melaka, Negeri Sembilan, Perlis dan Pulau Pinang. Wakil JKSM diketuai oleh Tuan Mohamad Tawadz'o bin Abbas, Pengarah Pusat Sumber JKSM bersama Puan Rathanah Abd. Hamid, Ustazah Safiah serta Puan Munah Dali.



# AKTIVITI JKSM


## PERSIDANGAN TAHUNAN PEGAWAI SYARIAH 2002



**P**ersidangan Tahunan Pegawai Syariah 2003 telah diadakan pada 24 hingga 26 Ogos, 2003 bertempat di Renaissance Hotel Kota Bharu, Kelantan. Majlis telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Brig. Jen.(B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri yang diwakili oleh Yang Berhormat Datuk Noh bin Haji Omar, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri. Kira-kira seramai 180 Pegawai Syariah dari seluruh agensi persekutuan dan negeri-negeri telah hadir dalam persidangan kali ini yang bertemakan "Sistem Muamalat dan Perbankan Islam". Di antara pembentang kertas kerja adalah Y.Bhg. Datuk Ismail bin Ibrahim, Pengerusi Bank Islam Malaysia.

# AKTIVITI JKSM SEPTEMBER

## KURSUS PENGURUSAN INTEGRITI DAN KESELAMATAN PEJABAT SIRI 4



**K**ursus siri 4 ini telah diadakan pada 2 hingga 5 September, 2002 di Hotel Seri Malaysia Johor Bahru telah dihadiri kira-kira 30 orang peserta dari kalangan kakitangan sokongan Mahkamah Syariah di negeri-negeri Zon Selatan iaitu Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Seperti biasa fasilitator kursus terdiri daripada para pegawai Badan Pencegah Rasuah dan Pejabat Pegawai Keselamatan Kerajaan, Jabatan Pedana Menteri. Majlis Penyampaian Sijil telah disempurnakan oleh Y.A.A. Dato' Haji Jaafar Dayat, Ketua Hakim Syarie Negeri Johor yang mewakili Y.A.A. Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM.

## SEMINAR MANUAL UNDANG-UNDANG KELUARGA KEBANGSAAN (ANJURAN BERSAMA IKIM)

Seminar ini telah diadakan di IKIM pada 3 hingga 4 September, 2002 telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Rais Yatim, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri. Seminar ini telah dihadiri seramai 200 orang peserta dari kalangan Pegawai Syariah JKSM dan Mahkamah Syariah Negeri-negeri.

## MESYUARAT & MUZAKARAH HAKIM-HAKIM NEGERI-NEGERI GUNASAMA BIL. 3

Mesyuarat dan Muzakarah Bil. 3 ini telah diadakan pada 12 September, 2002 bertempat di Mahkamah Syariah Negeri Selangor di Shah Alam dipengerusikan oleh Y.A.A. Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM. Kira-kira 50 orang Pegawai Syariah telah hadir menyertai muzakarah yang membincangkan beberapa aspek perundangan dan kehakiman syariah masa kini.



## AKTIVITI JKSM SEPTEMBER

### MUZAKARAH PEMAHAMAN UNDANG-UNDANG KETERANGAN DAN PROSEDUR SIRI 4

Muzakarah ini telah diadakan pada 22 hingga 26 September, 2002 bertempat di Malacca D' Village Ayer Keroh, Melaka. Seramai 40 orang peserta dari kalangan Pegawai Syariah Gred L3 dari negeri-negeri dan JKSM telah menghadirinya. Fasilitator muzakarah yang dijemput adalah Y.Bhg. Tuan Haji Salleh bin Buang.

### BENGKEL JADUAL PEMISAHAN REKOD ZON SABAH & SARAWAK

Bengkel ini merupakan kesinambungan daripada bengkel yang serupa yang telah diadakan sepertimana di Semenanjung. Ianya telah diadakan pada 24 - 26 September, 2002 bertempat di Kuching, Sarawak. Majlis Penyampaian Sijil telah disempurnakan oleh Y.A.A. Tuan Haji Sam bin Ojeh, Ketua Hakim Syarie Negeri Sarawak manakala fasilitator bengkel dari kalangan pegawai dari Arkib Negara Malaysia.

## AKTIVITI JKSM OKTOBER

### KURSUS KATALOGING, PENGKELASAN, PENGESANAN BAHAN PUSAT SUMBER MAHKAMAH SYARIAH

Kursus ini merupakan lanjutan daripada kursus pertama yang pernah diadakan pada tahun 2001. Ianya telah diadakan pada 8 hingga 10 Oktober, 2002 bertempat di Hotel Brisdale, Jalan Raja Muda Abdul Aziz, Kuala Lumpur. Seramai 28 peserta dari kalangan kakitangan Pusat Sumber JKSM dan Mahkamah Syariah Negeri-negeri telah menghadirinya. Majlis penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Tuan Mohamad Tawadz'o bin Abbas, Pengarah Pusat Sumber JKSM. Fasilitator terdiri daripada para pegawai latihan Perpustakaan Negara dan Perpustakaan Awam Islam JAKIM.

### MESYUARAT KAJIAN ESYARIAH

Mesyuarat ini diadakan bagi mengenal pasti terma-terma perisian yang akan digunapakai di dalam aplikasi ESyariah. Seramai 65 orang perwakilan dari seluruh Mahkamah Syariah Negeri-negeri, JKSM, wakil MAMPU, wakil SAINS dan wakil KPMG telah menghadirinya pada 14 hingga 16 Oktober, 2002 bertempat di Hotel Grand Continental, Langkawi. Mesyuarat dipengerusikan oleh Y.A.A. Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syariah JKSM telah berjaya menyelaraskan segala terma-terma perisian aplikasi termasuk berkaitan borang-borang dan proses kerja di Mahkamah Syariah.



## MESYUARAT KETUA PENDAFTAR/PENDAFTAR MAHKAMAH SYARIAH SELURUH MALAYSIA BIL. 4/2002

Mesyuarat berkenaan telah diadakan pada 17 Oktober, 2002 bertempat di Hotel Holiday Villa, Langkawi dipengerusikan oleh Y.A.A. Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM. Di antara kertas cadangan yang dibentangkan adalah seperti berikut:-

- i. Cadangan Penambahan Kod Daerah Bagi Dasar Pengurusan Pusat Sumber JKSM dan Mahkamah Syariah Negeri-negeri
- ii. Cadangan Format Buku Kausa Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia
- iii. Penggunaan Kertas Keselamatan Bagi Perintah Mahkamah

### MESYUARAT BLUE PRINT JKSM TAHUN 2003

Mesyuarat telah diadakan pada 21 hingga 23 Oktober, 2002 di Avillion Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan dipengerusikan oleh Y.A.A. Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM. Turut hadir adalah Y.A.A. Ketua-ketua Hakim Syarie Negeri-negeri Gunasama serta Pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan JKSM.



### MESYUARAT KETUA-KETUA HAKIM SYARIE SELURUH MALAYSIA KALI KE 24

Mesyuarat Kali ke 24 ini telah diadakan pada 31 Oktober, 2002 bertempat di Concorde Hotel Shah Alam, Selangor. Di antara kertas cadangan yang dibentangkan adalah Pamphlet Mahkamah Syariah dan Penyelarasan Pakaian Rasmi Hakim Syarie Seluruh Malaysia. Pada sebelah malamnya, Mahkamah Syariah Negeri Selangor telah mengadakan Majlis Makan Malam yang turut dihadiri oleh YB Datuk Zawawi Mohamad, Penasihat Undang-undang Negeri Selangor dan Y.A.A. Ketua-ketua Hakim Syarie Negeri-negeri.



# AKTIVITI JKSM DISEMBER

## DISKUSI WAQAF/WASIAT/HIBAH/HARTA PUSAKA DAN HARTA SEPENCARIAN

Diskusi seperti ini pertama kali dianjurkan JKSM pada 15 hingga 17 Disember, 2002 adalah bagi memperoleh penyelarasan undang-undang berkaitan waqaf, wasiat, hibah, harta pusaka dan harta sepencarian yang digunapakai di Mahkamah Syariah. Majlis ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Brig. Jen.(B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.



## MAJLIS PENYAMPAIAN KITAB-KITAB RUJUKAN SYARIAH KEPADA MAHKAMAH SYARIAH NEGERI-NEGERI GUNASAMA

Majlis ini telah diadakan pada 28 Disember, 2002 di Pusat Sumber JKSM disempurnakan oleh Y.A.A. Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM. Beberapa judul kitab-kitab rujukan Arab telah dibekalkan kepada Mahkamah Syariah Negeri-negeri Gunasama.



## BERITA SEMASA WARGA JKSM



Cik Rubiatul Adawiyah binti Hj. Othman, Pembantu Tadbir (Operasi) Unit Perkhidmatan JKSM sejak 10 Jun, 2002 telah melangsungkan perkahwinannya dengan jejaka pilihannya Encik Amran bin Khalil. Majlis Perkahwinan telah dilangsungkan pada 8 September, 2002 di Alor Setar, Kedah dan di Seremban, N. Sembilan yang turut dihadiri oleh beberapa pegawai dan kakitangan JKSM. Buletin JKSM mengucapkan Selamat Pengantin Baru dengan doa semoga bahagia selalu.

### PENGISIAN JAWATAN BARU JKSM (Julai - Disember, 2002)

|     |                                   |                                       |          |
|-----|-----------------------------------|---------------------------------------|----------|
| 1.  | Seripul Azali bin Shamsuddin      | Pembantu Tadbir (P/O)N9               | 10.6.02  |
| 2.  | Najib bin Zakaria                 | Penasihat Undang-undang L48           | 1.8.02   |
| 3.  | Wan Fauziah binti Wan Salleh      | Pembantu Tadbir (Kew.)W17             | 1.8.02   |
| 4.  | Laila Busyra binti Hassan         | Pegawai Syariah LS 41                 | 16.8.02  |
| 5.  | Sul Bhari bin Saad                | Pembantu Perpustakaan (S7)            | 16.9.02  |
| 6.  | Zulfadly bin Muhamad              | Pembantu Am Rendah (N1)               | 27.9.02  |
| 7.  | Nor Mahadi bin Awaludin           | Pembantu Am Rendah (N1)               | 27.9.02  |
| 8.  | Maznah binti Othman               | Pembantu Am Rendah (N1)               | 27.9.02  |
| 9.  | Sarina binti Shairiddin           | Pembantu Am Rendah (N1)               | 27.9.02  |
| 10. | Hernie Yusrina binti Muda @ Hamid | Pembantu Am Rendah (N1)               | 27.9..02 |
| 11. | Rosnani binti Aman                | Juruteknik Komputer (FT17)            | 1.10.02  |
| 12. | Abdullah bin Muda                 | Pembantu Tadbir (Kew.) W22            | 31.10.02 |
| 13. | Mohd Haris bin Kasim              | Pustakawan S3                         | 1.11.02  |
| 14. | Mohamed Noordeen bin Mukri        | Pegawai Perhubungan Awam              | 1.11.02  |
| 15. | Suraini binti Yusof               | Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip) N11 | 16.12.02 |



| BIL. | NAMA                        | JABATAN<br>DAHULU                | JABATAN<br>BARU              | TARIKH<br>PERTUKARAN |
|------|-----------------------------|----------------------------------|------------------------------|----------------------|
| 1.   | Khairulanuar bin Ahmad      | Lantikan Baru<br>Pegawai Syariah | Mahkamah<br>Syariah Selangor | 3.6.2002             |
| 2.   | Nik Asrulnizam bin Mustapha | Lantikan Baru<br>Pegawai Syariah | Mahkamah<br>Syariah Selangor | 3.6.2002             |
| 3.   | Salehan bin Yatim           | Lantikan Baru<br>Pegawai Syariah | Mahkamah<br>Syariah Selangor | 3.6.2002             |
| 4.   | Mohamad Fauzi bin Ismail    | Lantikan Baru<br>Pegawai Syariah | Mahkamah<br>Syariah Selangor | 3.6.2002             |
| 5.   | Hasniah binti Hassan        | Lantikan Baru<br>Pegawai Syariah | BBG<br>Perlis                | 1.9.2002             |
| 6.   | Zalinah binti Said          | Lantikan Baru<br>Pegawai Syariah | JKS Pulau Pinang             | 1.9.2002             |
| 7.   | Rohayati binti Sapie        | Lantikan Baru<br>Pegawai Syariah | BBG Kedah                    | 1.9.2002             |
| 8.   | Shazalina binti Ali         | Lantikan Baru<br>Pegawai Syariah | BBG P. Pinang                | 1.9.2002             |
| 9.   | Maimun binti Mohd           | Lantikan Baru<br>Pegawai Syariah | Mahkamah<br>Syariah W.P.     | 1.9.2002             |
| 10.  | Mohd Zawawi bin Noor        | BBG P.Pinang                     | JKS P. Pinang                | 1.9.2002             |
| 11.  | Jaidi bin Ahmad             | BBG Perlis                       | JKS P. Pinang                | 1.9.2002             |
| 12.  | Mohd Yunus bin Muhamad Zin  | Lantikan Baru<br>Pegawai Syariah | Mahkamah<br>Syariah W.P.     | 1.11.2002            |